

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, October 22, 2019 10:25 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Jangan Lupa Etika, Moral Dan Akhlak Mulia Dalam Era IR 4.0



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 OKTOBER 2019 / 23 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

JANGAN LUPA ETIKA, MORAL DAN AKHLAK MULIA DALAM ERA IR 4.0



UUM ONLINE: Graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) diingatkan agar tidak melupakan kepentingan menjalani kehidupan dengan beretika, bermoral dan berakhlak tinggi ketika manusia berlumba-lumba untuk menjuarai kehebatan teknologi canggih.

Pro-Canselor, Yang Teramat Mulia Brig. Jen. Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Tunku Temenggong Kedah bertitah, tanpa etika, moral dan akhlak mulia kehidupan manusia tiada ertinya kerana penerapan nilai-nilai mulia dalam kehidupan manusia akan merealisasikan sebuah masyarakat yang bukan setakat canggih dan moden tetapi juga pelengkap kepada keseluruhan kehidupan.

Titahnya, mengambil kira era pintar ini, graduan dinasihatkan untuk merebut peluang di hadapan kerana pihak lain tidak akan membiarkan peluang tersebut berlalu begitu sahaja.

"Era Revolusi Industri 4.0 ini telah, sedang dan akan melahirkan begitu ramai generasi yang amat berinovasi dan kreatif mindanya sehingga mengubah cara dan budaya kehidupan manusia sejagat.

"Tiada siapa boleh lagi bersikap umpama katak di bawah tempurung, sebaliknya setiap individu perlu sentiasa ke hadapan, mengambil tindakan dalam ruang lingkup yang unik, di luar kotak dan sentiasa mencabar minda pada setiap masa.

"Idea-idea yang diperlukan bukan setakat di luar kotak, malah tanpa sebarang kotak yang mengikat minda akan mampu memberi impak tak terhingga kepada diri sendiri, keluarga dan manusia sejagat," titahnya pada Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM di Dewan Mu'adzam Shah, semalam.

Pro-Canselor bertitah, manusia memerlukan kepimpinan autentik (*authentic leadership*) dalam semua peringkat kehidupan, sama ada di peringkat diri ataupun global.

Titahnya, kepimpinan autentik yang berlandaskan integriti, etika, moral dan akhlak mulia menjadi teras utama kesejahteraan masyarakat yang berpaksikan kemakmuran bersama.

Beliau turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada UUM yang berusaha untuk menubuhkan kursi akademik di Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) dengan mengabadikan nama Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

"Semoga Kursi Sultan Abdul Halim ini memberi banyak manfaat dalam penerokaan dan pengembangan ilmu serta memacu penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi khasnya dalam bidang perakaunan.

"Saya juga amat berbangga dengan kadar peratusan graduan UUM yang begitu tinggi mendapat pekerjaan sejurus tamatnya belajar di UUM yang mana rata-ratanya adalah graduan daripada bidang perakaunan, kewangan, pengurusan risiko, ekonomi dan pengurusan perniagaantani (*agribusiness management*) yang menjadi pilihan majikan di pelbagai sektor pekerjaan Malaysia," titahnya.

Titahnya lagi, ini menunjukkan bahawa UUM sentiasa melahirkan graduan yang berwibawa dan berketrampilan hebat sehingga menjadi rebutan majikan di luar sana.

Namun demikian, titahnya, graduan tidak boleh sekadar berpuas hati dengan apa yang telah diperoleh dan fakta persepsi positif majikan terhadap graduan UUM, sebaliknya perlu sentiasa berusaha mendalami ilmu-ilmu semasa dan baharu serta sanggup mempelajari apa sahaja bidang yang boleh menambah nilai kehidupan semasa dan akan datang.

Pada sesi keempat itu, seramai 720 graduan menerima ijazah masing-masing yang disampaikan Tuanku Pro-Canselor.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.